

Tadbir Urus Pembangunan Masyarakat Berbilang Etnik: Sebuah Sorotan Tematik

Governance of Multi-Ethnic Community Development: A Thematic Review

Khairol Anuar Kamri^{1*}, Aizathul Hani Abd Hamid², Razi Jaafar¹, Mohd Idham Khalil Mohamed Khamil¹

¹ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: khairol@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2025.17.01.005>

Maklumat Artikel

Diserah: 1 Disember 2024
Diterima: 1 April 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Etnik, kepelbagaian, pembangunan, tadbir urus

Abstrak

Tadbir urus pembangunan penting dalam konteks pengurusan kepelbagaian etnik kerana wujudnya persaingan untuk mendapatkan sumber dan status sosial dalam masyarakat. Terdapat pelbagai faktor tadbir urus pembangunan dalam masyarakat berbilang etnik yang mampu memberi kesan kepada kejayaan proses pertumbuhan negara. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor menyeluruh tadbir urus pembangunan dalam masyarakat berbilang etnik melalui kaedah sorotan tematik berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan pada tahun 2017-2022. Artikel ini menggunakan garis panduan PRISMA untuk memilih dan menyemak keputusan kajian lepas secara sistematik. Hasil artikel ini penting untuk membangunkan rangka kerja tadbir urus pembangunan yang komprehensif dalam menguruskan masyarakat berbilang etnik. Sorotan tematik artikel ini telah menunjukkan bahawa faktor penglibatan merupakan faktor utama dalam pengurusan masyarakat pelbagai etnik di samping faktor pengurusan politik, desentralisasi serta peranan institusi kerajaan.

Keywords

Ethnicity, diversity, development, governance

Abstract

Governance of development is crucial in managing ethnic diversity, as competition for resources and social status often arises within multi-ethnic societies. Various governance factors can significantly influence the success of a nation's development process. Therefore, this article aims to identify the overarching factors of development governance in multi-ethnic societies through a thematic review of studies conducted between 2017 and 2022. This article adopts the PRISMA guidelines to systematically select and review previous research findings. The outcomes of this review are vital for developing a comprehensive governance framework for managing multi-ethnic communities. The thematic review highlights that community engagement is the primary factor in managing multi-ethnic societies, alongside political management, decentralization, and the role of governmental institutions.

1. Pengenalan

Secara teorinya, pembinaan negara bangsa memerlukan sebuah pengurusan negara yang berkesan dan mampu bekerjasama dengan masyarakatnya. Ini sering disebut sebagai tadbir urus dalam bidang pembangunan masyarakat dan pentadbiran awam. Secara ringkasnya, tadbir urus meliputi segala aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah kerajaan sama ada yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat mahupun melalui penaklukan kuasa oleh kumpulan tentera. Tadbir urus sebuah kerajaan berkait rapat dengan pentadbiran yang cekap dan berkesan dalam menyediakan keperluan kehidupan yang berkualiti kepada rakyat. Keperluan hidup ini merangkumi keperluan asas manusia seperti makanan, sumber air bersih, penjagaan kesihatan, pendidikan, perlindungan daripada ancaman, perundangan, dan keperluan asas kehidupan yang lain (Jenkins et al., 2008).

Selain itu, tadbir urus juga meliputi jaringan antara institusi dan juga hubungan dengan masyarakat. Masyarakat harus mempunyai medium untuk menyatakan pandangan mereka, berkomunikasi dengan kerajaan, dan memastikan kepentingan masyarakat atau kepentingan awam dicerminkan dalam dasar awam. Tadbir urus juga merangkumi urusan pentadbiran politik dalam negara kerana hubungan antara rakyat dan ahli politik dan hubungan antara ahli politik merupakan dimensi penting dalam pemerintahan. Tambahan pula, tadbir urus bukan sahaja melibatkan kabinet, perkhidmatan awam, penjawat awam, pihak berkuasa sama ada tempatan atau persekutuan tetapi juga memainkan peranan dalam memastikan ketelusan sistem perundangan, pilihan raya, dan mana-mana pengurusan pertubuhan kerajaan atau bukan kerajaan (Jenkins et al., 2008).

Perspektif tadbir urus telah dibentangkan melalui pelbagai label seperti tadbir urus tempatan, tadbir urus antarabangsa, tadbir urus korporat dan tadbir urus moden. Namun, konsep asas bagi kesemua terma ini adalah berdasarkan konsep tadbir urus. Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP 1997) telah mendefinisikan tadbir urus sebagai pelaksanaan kuasa ekonomi, politik, dan pentadbiran untuk menguruskan hal ehwal sebuah negara di semua peringkat (Elahi, 2009). Berdasarkan definisi ini, tadbir urus merangkumi mekanisme, proses, dan institusi dalam pentadbiran negara. Bank Dunia (1993) mendefinisikan tadbir urus sebagai kaedah kuasa digunakan dalam pengurusan sumber ekonomi dan sosial negara untuk pembangunan. Ini bermakna Bank Dunia telah merujuk kepada tadbir urus sebagai cara kuasa digunakan untuk mengurus pembangunan negara. Bank Dunia juga telah membezakan tiga elemen utama dalam tadbir urus, iaitu:

- Bentuk rejim politik.
- Proses autoriti dijalankan dalam pengurusan ekonomi dan sosial negara untuk pembangunan.
- Keupayaan kerajaan untuk mereka bentuk, menggubal dan melaksanakan dasar dan fungsi.

British Council telah menekankan bahawa konsep pemerintahan adalah lebih luas daripada kerajaan. Tadbir urus dalam pengertian ini merujuk kepada proses di mana unsur-unsur dalam masyarakat memperoleh dan menggunakan kuasa, autoriti, dan mempengaruhi serta menggubal dasar dan keputusan yang berkaitan dengan kehidupan awam dan peningkatan sosial. Menurut British Council, tadbir urus melibatkan interaksi antara aktiviti institusi formal dan pelbagai pihak dalam masyarakat sivil. Menurut Hernandez (1999), tadbir urus boleh dirujuk sebagai pendekatan pengurusan yang diamalkan oleh organisasi, sama ada dalam bentuk keluarga, komuniti, masyarakat sivil, syarikat, negara, benua, atau organisasi global. Ia melibatkan satu set prinsip dan peraturan yang mentakrifkan struktur organisasi, tanggungjawab, akauntabiliti, fungsi, dan kuasa pihak yang mentadbir dalam organisasi. Kesemua definisi yang dikemukakan menunjukkan begitu banyak pandangan yang berbeza mengenai tadbir urus. Namun secara umumnya, boleh dikatakan bahawa tadbir urus adalah satu proses membuat keputusan dan pelaksanaan keputusan. Ia juga melibatkan faktor formal dan tidak formal dalam sesebuah masyarakat. Oleh kerana itu, tadbir urus boleh amat bergantung kepada kaedah pelaksanaan yang dijalankan.

Dewasa ini, tadbir urus yang baik merupakan antara konsep yang sering diperkatakan dalam bidang pentadbiran. Ia merupakan satu bentuk pelaksanaan pengurusan baharu yang membawa kepada keberkesanan dalam sektor awam. Selain itu, ia juga dilihat sebagai satu bentuk kriteria pengukuran prestasi bagi sebuah kerajaan. Tafsiran konsep tadbir urus yang baik adalah pelbagai tetapi merangkumi perkara yang hampir sama. Bantuan Pembangunan Belanda (NEDA) melihat tadbir urus yang baik sebagai pelaksanaan kuasa yang telus dan bertanggungjawab terhadap penduduk. NEDA menganggap tadbir urus yang baik sebagai domain kerajaan. Namun begitu, kewujudan tadbir urus yang baik juga bergantung kepada input sektor swasta dan masyarakat sivil. Ini disebabkan tadbir urus yang baik melibatkan proses menggubal dan melaksanakan dasar melalui persetujuan bersama antara pelbagai pihak untuk meningkatkan kualiti hidup seluruh masyarakat yang memfokuskan kepada hasilnya (Veenandal, 2020). Oleh itu, tadbir urus yang baik adalah pendekatan yang boleh digunakan untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik seperti gaji yang lebih baik, pendidikan, perkhidmatan kesihatan, keselamatan sosial, kestabilan politik, kemudahan material, dan pembangunan rohani.

Usaha pembangunan negara melalui tadbir urus dan pembangunan tidak akan terlepas daripada cabaran-cabaran yang mampu menggugat proses kemajuan negara. Antara aspek-aspek yang sering kali memberikan cabaran kepada tadbir urus dan pembangunan adalah kewujudan kumpulan etnik yang pelbagai dalam masyarakat. Tadbir urus dan pembangunan yang baik adalah penting dalam mengurus kepelbagaian etnik. Ini kerana setiap kumpulan etnik dalam komuniti akan menghadapi persaingan untuk mendapatkan sumber dan juga

status sosial dalam masyarakat. Tumpuan tadbir urus dalam masyarakat yang pelbagai ini tidak seharusnya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata agar dapat menjamin kualiti hidup yang menyeluruh serta mengurangkan ketidaksamaan sosial dalam masyarakat berbilang etnik. Pertumbuhan pula perlu diagihkan secara adil dan telus untuk menjamin kualiti hidup dan mengurangkan ketidaksamaan sosial dalam masyarakat berbilang etnik.

Namun begitu, pengurusan masyarakat di negara barat khususnya sebelum tahun 1970-an telah lebih tertumpu kepada masyarakat majoriti. Sistem politik barat ketika itu tidak memberikan perhatian yang mendalam terhadap pengurusan kepelbagaian kumpulan, etnik, kaum, dan budaya di negara mereka kerana pada masa itu etnik-etnik minoriti akan cuba berasimilasi dengan etnik majoriti demi kelangsungan hidup mereka (Grishaeva, 2012). Namun, peningkatan kedatangan imigran dari seluruh dunia ke negara barat menyebabkan proses asimilasi budaya tidak lagi menjadi jawapan mutlak kepada pengurusan kepelbagaian etnik yang sedia ada. Kumpulan minoriti dan pendatang mula mengasingkan diri dengan budaya tempatan. Keterasingan daripada pembangunan tempatan inilah yang akan menyebabkan tindakan radikal daripada golongan terpinggir dan akhirnya akan menjejaskan pembangunan negara maju. Maka, isu tadbir urus pembangunan dalam masyarakat berbilang etnik telah mula mendapat perhatian dan tumpuan terutama di negara barat (Triranjan, 2010). Oleh itu, artikel ini akan mengenal pasti elemen tadbir urus pembangunan yang memfokuskan kepada pengurusan masyarakat pelbagai etnik berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada tahun 2017-2022 melalui kaedah sorotan tematik. Artikel ini akan menjawab persoalan apakah elemen-elemen tadbir urus pembangunan yang telah dilaksanakan bagi masyarakat berbilang etnik dalam kajian-kajian lepas?

2. Metodologi Penyelidikan

Semakan artikel bagi kajian ini dilaksanakan mengikut Piawaian Penyata PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*). PRISMA digunakan kerana dapat menentukan topik penyelidikan yang tepat bagi membolehkan proses semakan yang sistematik. Ia juga boleh mengimbas pangkalan data-data yang luas dengan cepat. Kedua, PRISMA juga boleh menapis artikel dengan menggunakan kriteria keterangkuman dan pengecualian untuk menyusun artikel berdasarkan soalan kajian. Oleh itu, PRISMA membolehkan kajian meluas tentang unsur-unsur yang berkaitan dengan tadbir urus dan pembangunan dalam komuniti berbilang etnik. Seterusnya, scopus ialah sumber pangkalan data jurnal yang digunakan untuk semakan ini. Ia diperkenalkan pada tahun 2004 dan kini mempunyai lebih daripada 10,000 penerbit di seluruh dunia. Ia merangkumi pelbagai disiplin akademik, termasuk sains sosial, sains kesihatan, sains fizikal, dan pertanian.

Fasa pertama adalah fasa pengenalanpastian. Kata kunci proses carian ditentukan pada tahap ini. Tesaurus, kajian lepas serta kajian literatur telah digunakan untuk menentukan istilah yang sama dan relevan untuk tadbir urus dan perkataan pelbagai etnik, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Kod rantaian pencarian


Pangkalan data	Kod rantaian pencarian
SCOPUS	TITLE-ABS-KEY (governance AND multi-ethnic*) AND (LIMIT-TO (PUBYEAR, 2022) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2021) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2020) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2019) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2018) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2017)) AND (LIMIT-TO (DOCTYPE, "ar")) AND (LIMIT-TO (LANGUAGE, "English"))

Kemudian adalah fasa kedua iaitu fasa saringan. Pada fasa ini, hanya jurnal artikel dengan data empirikal yang dipilih. Prosiding persidangan, siri buku, artikel ulasan dan buku tidak disertakan pada peringkat ini. Kedua, untuk meningkatkan pemahaman keseluruhan kandungan, carian dihadkan kepada kajian Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Ini kerana, bahan bacaan selain dua bahasa ini akan memberikan proses terjemahan yang mencabar kepada penulis. Ketiga, penilaian bagi artikel ini hanya melibatkan penerbitan antara 2017 dan 2022 kerana terdapat begitu banyak kertas kerja mengenai tadbir urus dan pembangunan dalam komuniti berbilang etnik dalam pangkalan data. Kriteria pengecualian dan keterangkuman adalah seperti jadual 2.

Jadual 2 Kriteria pengecualian dan keterangkuman

Jenis Dokumen	Artikel jurnal	Artikel ulasan, siri buku, buku, Bab dalam buku, prosiding persidangan
Bahasa	Inggeris	Bukan Bahasa Inggeris
Garis Masa Penerbitan	2017 - 2022	<2017

Pemilihan jenis kesusasteraan, bahasa, dan tahun penerbitan membawa kepada penyingkiran 58 kajian (daripada 80) semasa prosedur saringan di peringkat kedua. Peringkat akhir kelayakan melibatkan semakan keseluruhan artikel. Sebanyak 12 kertas kerja telah disingkirkan selepas semakan menyeluruh kerana ia tidak mempunyai elemen yang berkaitan dengan pengurusan tadbir urus dalam komuniti berbilang etnik, tidak memasukkan data empirikal, atau tidak mempunyai elemen utama tadbir urus dalam fokus masyarakat berbilang etnik. Akhir sekali, terdapat 10 penerbitan yang digunakan untuk hasil semakan dan analisis kualitatif. Sorotan dimulakan dengan membaca abstrak terlebih dahulu, diikuti dengan kajian menyeluruh terhadap keseluruhan artikel untuk mengenal pasti subjek utama dan sebarang sub-tema berkaitan elemen berkaitan masyarakat pelbagai etnik dalam tadbir urus dan pembangunan. Seterusnya, prosedur kajian kualitatif menggunakan analisis kandungan dilaksanakan untuk menentukan tema elemen yang terikat dengan tadbir urus dan pembangunan dalam masyarakat berbilang etnik.



Rajah 1 Proses model PRISMA

3. Dapatan Kajian

Sorotan kajian ini telah dapat mengenal pasti 15 elemen tadbir urus dan pembangunan dalam komuniti berbilang etnik bagi kajian yang telah dijalankan pada tahun 2017-2022. Elemen-elemen tersebut ialah perundangan, politik, persatuan, perancangan ruang, desentralisasi, institusi, pendidikan, penglibatan, sumber dan pengagihan, keselamatan, kapasiti komuniti, pembinaan negara, keperluan asas, demografi, dan pengurusan agama. Dari segi tahun penerbitan, dua kertas kerja diterbitkan pada 2022 dan 2021, satu kertas kerja diterbitkan pada 2019, diikuti tiga kertas kerja diterbitkan pada 2018 dan satu kertas kerja pada 2017. Bagi pendekatan metodologi pula, tujuh kajian dijalankan dengan pendekatan kualitatif, dua kajian mengikut pendekatan kuantitatif, dan hanya satu kajian dijalankan dalam kaedah campuran.

Dalam tempoh 2017-2022, kajian tentang tadbir urus dan pembangunan yang menumpukan kepada komuniti berbilang etnik dalam pangkalan data SCOPUS telah diperhatikan di negara Eropah seperti Itali dan Kosovo, negara Timur Tengah seperti Mesir dan Arab Saudi, dan wilayah Asia seperti Pakistan dan China. Jadual 3 menunjukkan dapatan elemen yang telah digunakan oleh kajian lepas dalam pengurusan tadbir urus dan pembangunan pelbagai masyarakat etnik di seluruh dunia pada tahun 2017-2022 yang lalu. Elemen penglibatan dan politik adalah yang paling kerap diberi perhatian dalam pengurusan pelbagai komuniti etnik. Manakala elemen seperti pengurusan agama, perundangan awam, perancangan ruang, pendidikan, keselamatan, kapasiti komuniti, dan pembinaan negara merupakan elemen yang paling kurang mendapat perhatian dalam tempoh 2017-2022 bagi kajian tadbir urus dan pembangunan masyarakat pelbagai etnik.

Jadual 3 Sorotan tematik

Penulis	F. Che et al	Khan & Arshad	Vidovich & Bovo	Paris and Ying	Veenendaal	Ferati-Sachsenmaier	Cayli	Paul	Cole	Calu
Tahun	2022	2022	2021	2021	2020	2019	2018	2018	2018	2017
Negara	China	Pakistan	Itali	Itali	Amerika Selatan	Kosovo	Mesir	Eropah	Arab Saudi	Kosovo
1. Perundangan										
2. Politik										
3. Persatuan										
4. Perancangan ruang										
5. Desentralisasi										
6. Institusi										
7. Pendidikan										
8. Penglibatan										
9. Sumber dan agihan										
10. Keselamatan										
11. Kapasiti komuniti										
12. Pembinaan bangsa										
13. Keperluan asas										
14. Demografi										
15. Pengurusan agama										

4. Perbincangan

Berdasarkan tinjauan tematik yang telah dijalankan, elemen penglibatan merupakan elemen yang diberi perhatian paling tinggi dalam mengurus masyarakat yang pelbagai. Antara perkara yang menyumbang kepada elemen penglibatan dalam komuniti pelbagai etnik ialah hubungan sosial sama ada fizikal atau maya, hubungan kejiranan, penyertaan dalam komuniti, hubungan sama ada di peringkat individu, komuniti, atau institusi serta penyebaran maklumat dalam masyarakat. Hal ini disebabkan oleh peranan hubungan rapat sesama manusia merupakan asas pergantungan dan juga sokongan sosial manusia (Berkman et al., 2003). Malah, hubungan sosial juga merupakan alat penting untuk membina perpaduan dan masyarakat yang progresif (Butler, 2019). Bagi memastikan kejayaan dan pembangunan sesebuah negara, hubungan sosial dalam masyarakat pelbagai etnik perlu berada dalam keadaan baik dan (Lee, 2018). Hubungan sosial yang positif dalam masyarakat berbilang etnik dilihat mampu mengurangkan prasangka (Molina & Wittig, 2006), meningkatkan rasa identiti bersama (Nier et al., 2001), dan meningkatkan keakraban antara individu pelbagai etnik.

Seterusnya, elemen politik juga merupakan elemen tertinggi dalam tadbir urus dan pembangunan masyarakat pelbagai etnik. Hubungan antara pemerintahan, pembangunan, dan kestabilan politik amat penting dalam pengurusan perhubungan ahli dalam masyarakat berbilang etnik (Kuper, 1974). Kestabilan parti politik, hubungan parti politik yang sihat, perkongsian kuasa politik, dan peranan ahli politik yang komited adalah asas persekitaran politik yang diperlukan dalam komuniti berbilang etnik. Hubungan politik mendarat juga akan membuka ruang kebebasan bersuara dalam masyarakat, pergerakan sosial, akses kepada maklumat, dan peningkatan penyertaan dalam masyarakat. Nilai politik yang stabil seperti integriti, keadilan, akauntabiliti, ketelusan, dan keterangkuman boleh mengetepikan isu kritikal dalam masyarakat seperti rasuah, salah guna kuasa, dan penindasan kumpulan tertentu yang boleh mencetuskan salah faham dan mobilisasi isu sensitiviti kumpulan etnik untuk mendapatkan hak dan keadilan jika tidak diurus dengan baik (Othman & Zain, 2020).

Seterusnya, peranan desentralisasi juga dilihat penting dalam mengurus masyarakat pelbagai etnik. Desentralisasi ialah pengagihan pelaksanaan pentadbiran daripada pusat kepada pihak berkuasa atau kumpulan lain untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan. Desentralisasi mampu membentuk masyarakat pelbagai etnik yang demokratik dan stabil. Walau bagaimanapun, perkongsian kuasa dan desentralisasi dalam negara dikaitkan dengan jumlah penduduk dan saiz geografi sesebuah negara. Perkongsian kuasa boleh dilakukan di wilayah kecil seperti wilayah dalam negara Eropah dan bandar kecil di Amerika Selatan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan rangka kerja desentralisasi telah gagal diterapkan di negara yang mempunyai kemajmukan yang besar seperti Iraq, Afghanistan, Burundi dan Lubnan (Veenendaal, 2020).

Akhir sekali adalah peranan institusi kerajaan dalam mengurus masyarakat pelbagai etnik. Peranan institusi dilihat memberi impak kepada keseluruhan peringkat pengurusan komuniti bermula daripada keperluan asas, pengagihan sumber, pendidikan, infrastruktur, keselamatan, dan perundangan sehinggalah kepada pembinaan negara. Perkhidmatan awam yang telus, integriti dan mengutamakan keterangkuman semua lapisan masyarakat dalam menyediakan keperluan ini adalah tulang belakang pembinaan komuniti yang berdaya saing dan stabil. Teori pemodenan (Martinelli, 2005) juga menjelaskan bahawa pembangunan insan melalui penyediaan keperluan asas serta keperluan survival dan persekitaran yang berkualiti adalah titik tolak kemajuan sesebuah negara.

Pengurusan pertumbuhan dan pengagihan yang adil dan saksama, serta pengurusan ketidaksamaan sosial dalam masyarakat, akan menghidupkan semula suasana demokrasi yang lebih matang, meningkatkan keselamatan, membangunkan ekonomi masyarakat melalui perusahaan keusahawanan, mengurangkan konflik ganas dan membina masyarakat yang lebih stabil dan bersatu padu. Budaya masyarakat moden dan pembangunan masyarakat yang menyeluruh akan meningkatkan hubungan horizontal pelbagai masyarakat etnik, secara tidak langsung meningkatkan perpaduan dan kebersamaan dalam masyarakat.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti elemen penting dalam pengurusan tadbir urus dan pembangunan dalam komuniti pelbagai etnik dengan menggunakan kaedah sorotan tematik bagi kajian 2017-2022. Artikel ini telah dapat mengenal pasti 15 elemen penting iaitu perundangan, politik, persatuan, perancangan ruang, desentralisasi, institusi, pendidikan, penglibatan, sumber dan pengagihan, keselamatan, kapasiti komuniti, pembinaan negara, keperluan asas, demografi dan pengurusan agama. Tadbir urus dan pembangunan dalam masyarakat pelbagai etnik berkait rapat dengan pembangunan menyeluruh setiap anggota masyarakat. Golongan yang ketinggalan dari arus pembangunan akan cenderung bersikap radikal terhadap institusi kerajaan dan masyarakat sekeliling. Dapatan kajian ini telah dapat memberi rujukan awal kepada pengkaji tentang elemen-elemen yang perlu diberi perhatian dalam tadbir urus dan pembangunan masyarakat berbilang etnik. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya mengenal pasti kajian yang terdapat dalam pangkalan data SCOPUS dari 2017 hingga 2022. Kajian lanjut dicadangkan untuk melihat juga dapatan kajian yang lebih terkini dan artikel yang terdapat dalam pangkalan data lain.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS0/UTHM/02/2) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia melalui REGG (vot H882)

Konflik Kepentingan

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan dengan penerbitan kertas ini.

Sumbangan Penulis

*Khairul Anuar Kamri telah menyumbang kepada artikel menerusi **semakan proses sorotan tematik, mengesahkan tema-tema yang ditemui dalam sorotan tematik kajian lepas, serta semakan dan pembetulan akhir keseluruhan artikel**. Manakala Aizathul Hani Abd Hamid telah memberikan sumbangan kepada artikel menerusi **penulisan laporan sorotan tematik dan penulisan draf awal artikel**. Sementara itu, Razi Jaafar dan Mohd Idham Khalil Mohamed Khamil telah menyumbang menerusi **pencarian artikel dalam pangkalan data, perbincangan bersama dapatan sorotan tematik serta semakan bahasa draf artikel**.*

Rujukan

- Apter, M. J. (1984). Reversal theory and personality: A review. *Journal of Research in personality*, 18(3), 265-288.
- Berkman, L. F., Glass, T., Brissette, I., & Seeman, T. E. (2000). From social integration to health: Durkheim in the new millennium. *Social Science & Medicine*, 51(6), 843-857. [https://doi.org/10.1016/S0277-9536\(00\)00065-4](https://doi.org/10.1016/S0277-9536(00)00065-4)
- Butler, R. (2019). Young people's rural multicultures: researching social relationship among youth in rural contexts. *Journal of Youth Studies*, 0(0), 1-17. <https://doi.org/10.1080/13676261.2019.1657564>
- Calu, M. I. (2018). Unintended consequences of state-building and the management of diversity in post-conflict Kosovo. *Nationalities papers*, 46(1), 86-104.
- Cayli, B. (2020). Crime, bandits, and community: how public panic shaped the social control of territory in the Ottoman Empire. *Territory, Politics, Governance*, 8(3), 356-371.
- Che, F., Zhou, Y., & Liu, Y. (2022). Social quality, knowledge hiding, and community capacity: a study on multi-ethnic communities in Chinese cities. *Journal of Business Research*, 144, 1024-1038.
- Cole, J. (2018). Caliphates and Juntas: Ottoman Legacies in Today's Controversies over Religion and State in the Arab World. *Social Science History*, 42(4), 797-810.

- DeDominicis, B. E. (2019). Indo-Pacific Grand Strategy: Power Politics and Sustainable Development. *International Journal of Climate Change: Impacts & Responses*, 11(2).
- Elahi, K. Q. I. (2009). UNDP on good governance. *International Journal of Social Economics*.
- Ferati-Sachsenmaier, F. (2019). Postwar Kosovo: Global and local dimensions of interethnic reconciliation processes. *International Journal of Transitional Justice*, 13(2), 310-327.
- Jenkins, K., Jenkins, K., & Plowden, W. (2008). *Governance and nationbuilding: The failure of international intervention*. Edward Elgar Publishing.
- Khan, H. F., & Arshad, S. A. (2022). Beyond water scarcity: Water (in) security and social justice in Karachi. *Journal of Hydrology: Regional Studies*, 42, 101140.
- Kuper, L. (1974). *On Theories of Race Relations. Ethnicity and Nation-Building: Comparative, International, Historical Perspectives*. Beverly Hills: Sage.
- Lee, C. C. (Ed.). (2018). *Counseling for social justice*. John Wiley & Sons.
- Lorenzo De Vidovich & Martina Bovo (2021): Post-suburban arrival spaces and the frame of 'welfare offloading': notes from an Italian suburban neighborhood, *Urban Research & Practice*, DOI: 10.1080/17535069.2021.1952482
- Mario Paris & Fang Ying (2021) Toward a new normality in Via Paolo Sarpi (Milan, Italy)? Social behaviors and spatial transitions during and after the lockdown, *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 31:1- 4, 305-324, DOI:10.1080/10911359.2020.1823295
- Martinelli, A. (2005). *Global Modernization: Rethinking the project of modernity*. Sage.
- Molina, L. E., & Wittig, M. A. (2006). Relative importance of contact conditions in explaining prejudice reduction in a classroom context: Separate and equal?. *Journal of Social Issues*, 62(3), 489-509.
- Nier, J. A., Gaertner, S. L., Dovidio, J. F., Banker, B. S., Ward, C. M., & Rust, M. C. (2001). Changing interracial evaluations and behavior: The effects of a common group identity. *Group Processes & Intergroup Relations*, 4(4), 299-316.
- Paul, S. (2018). Clash of claims: nationalizing and democratizing policies during the first parliamentary election in multiethnic Czechoslovak Ruthenia. *Nationalities Papers*, 46(5), 776-790.
- Veenendaal, W. (2020) Does Smallness Enhance Power-Sharing? Explaining Suriname's Multiethnic Democracy, *Ethnopolitics*, 19:1, 64-84, DOI:10.1080/17449057.2019.1590078